



## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

**S.A 2016/10/88 (HQ)**

### **MAKLUM BALAS TNB MENGENAI JAJARAN PROJEK TALIAN VOLTAN TINGGI DI HUTAN SIMPAN JANDA BAIK, BENTONG, PAHANG**

Kami merujuk laporan akhbar mengenai kegiatan pembalakan di jajaran projek talian voltan tinggi di Hutan Simpan Janda Baik, Bentong, Pahang.

Pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) sentiasa mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan pihak berwajib bagi semua projek yang dilaksanakannya untuk kepentingan awam.

Jajaran talian penghantaran TNB ini telah mendapat kelulusan setelah perbincangan dan pertimbangan teliti dibuat. Buat masa ini, TNB sedang menjalankan Kajian Kesan Alam Sekitar (EIA).

Setakat ini TNB masih belum lagi memulakan sebarang kerja pembinaan menara di jajaran tersebut.

TNB juga tidak terlibat dalam sebarang aktiviti penebangan pokok seperti yang dilaporkan akhbar.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 14 Oktober 2016**

*Untuk Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /  
Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)*

*[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*